

FREQUENTLY ASK QUESTIONS (FAQ)

(FILEM PENGHADANG HABAB KENDERAAN)

1. Bilakah garis panduan pematuhan standard filem penghadang haba kenderaan akan dikuatkuasakan?

JAWAPAN: Garis panduan pematuhan standard filem penghadang haba kenderaan mula dikuatkuasakan mulai 20 Jun 2019.

2. Adakah filem penghadang haba kenderaan akan dijadikan peraturan mandatori kepada semua pemilik produk kenderaan?

JAWAPAN: Ya, sebaik sahaja peraturan mandatori dikuat kuasakan pada 1 Julai 2020.

3. Apakah peranan KPDNHEP?

JAWAPAN: Peranan KPDNHEP adalah bagi memastikan barangan yang dijual di pasaran mematuhi piawaian standard keselamatan barangan pengguna yang telah ditetapkan. Justeru, filem penghadang haba kenderaan ini akan dikuatkuasakan melalui satu peraturan baru yang akan digubal dibawah Akta Perihal Dagangan 2011. KPDNHEP juga akan mengadakan program advokasi pematuhan standard oleh pihak pengeluar.

4. Bagaimana prosedur yang akan ditetapkan dalam garis panduan berkenaan?

JAWAPAN: Setiap produk filem penghadang haba kenderaan yang akan dijual perlu melalui ujian dan lulus berdasarkan standard MS2669:2017. Hanya produk yang lulus sahaja akan diberi pensijilan. Manakala label pengesahan SIRIM-KPDNHEP beserta kod QR akan dikeluarkan selepas pihak industri mendaftarkan syarikat mereka di Bahagian Standard Kepenggunaan, KPDNHEP. Pihak industri boleh mendapatkan pensijilan dan menggunakan label berserta kod QR sebagai pengesahan di premis-premis perniagaan masing-masing secara sukarela dengan merujuk kepada KPDNHEP dan SIRIM.

5. Siapa yang akan mengeluarkan pengesahan sijil kelulusan?

JAWAPAN: Pengesahan sijil kelulusan akan dikeluarkan oleh SIRIM QAS.

6. Adakah semua filem penghadang haba kenderaan boleh memasuki pasaran?

JAWAPAN: Hanya filem penghadang haba kenderaan yang diluluskan dan mempunyai label pengesahan SIRIM-KPDNHEP dan kod QR sahaja boleh memasuki pasaran. Itupun tertakluk kepada pengesahan pendaftaran oleh Bahagian Standard Kepenggunaan, KPDNHEP.

7. Kementerian dan agensi keselamatan jalan raya yang mana yang akan bekerjasama dengan KPDNHEP?

JAWAPAN: Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), Malaysia Automotive Robotics and IoT Institute (MARii), Pertubuhan Perniagaan Aksesori Otomotif Malaysia (AAA) dan Malaysia Window Film Manufacturer (MWFA).

8. Bagaimanakah jika sekiranya penjual menampal label pengesahan SIRIM-KPDNHEP beserta kod QR tetapi tidak diluluskan oleh SIRIM?

JAWAPAN: Bagi mana-mana pengeluar, pengimport atau pembekal, sekiranya mereka melekatkan label pengesahan SIRIM-KPDNHEP atau kod QR yang tidak didaftarkan dengan Bahagian Standard Kepenggunaan KPDNHEP serta SIRIM maka mereka boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 dan jika sabit kesalahan boleh didenda RM100,000.00 bagi orang persendirian atau RM250,000.00 bagi syarikat atau penjara tidak melebihi tiga tahun kerana telah melabelkan pernyataan palsu yang boleh memperdayakan pengguna.

9. Mengapa garis panduan ini perlu dipatuhi oleh semua pengimport, pengedar dan peniaga?

JAWAPAN: Garis panduan ini sebagai langkah pendidikan kepada pengimport, pengedar dan peniaga bagi memastikan produk yang dikeluarkan

atau dipasarkan hendaklah mematuhi standard MS2669:2017 sebelum peraturan mandatori dikuatkuasakan pada 1 Julai 2020 selaras dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan kesedaran kepada pihak Industri bagi memasarkan hanya barangan yang berkualiti, standard dan selamat. Pengguna juga patut dan memastikan hanya membeli barangan yang tulen, mematuhi standard dan hanya mempunyai label pengesahan SIRIM-KPDNHEP serta kod QR supaya ia tidak mendatangkan kemudaratan kepada pengguna dan juga nyawa pengguna lain.

**BAHAGIAN STANDARD KEPENGGUNAAN,
KPDNHEP
20 JUN 2019**